

Gayong Malaysia

kuasai

23 MAY 1991

silat remaja



Oleh **KHAIRUL ANUAR**
A SAMAD

PESILAT Pertubuhan Seni Silat Gayong Malaysia menguasai Kejohanan Silat Remaja Kebangsaan apabila enam pesertanya layak ke perlawanan akhir di Dewan Sekolah Menengah Chung Hwa, dekat sini, esok.

Enam pesilat dari pertubuhan itu akan turun ke gelanggang dalam 14 kelas yang dipertandingkan.

Bagaimanapun, mereka dijangka akan diberi tentangan sengit oleh pesilat lain, terutamanya dari pasukan tuan rumah, Kelantan dan Terengganu.

Kemampuan pesilat pertubuhan itu menewaskan lawan masing-masing dengan keputusan 3-0 dalam perlawanan separuh akhir kelmarin, membuktikan mereka cukup handal untuk menggondol kejuara-

B. Harian (M)

an kali ini.

Terengganu sudah pasti akan memberi tentangan hebat untuk muncul sebagai juara memandangkan persembahan pesilatnya serta insentif yang akan diberikan kepada pesilat yang berjaya.

Sementara itu, pesilat Kelantan putera kelas G, Khairul Anuar Abd Kadir dan puteri kelas A, Mahaliza Azhar menjadi harapan kepada pasukan Kelantan untuk membawa pingat emas dalam kejuaraan kali ini memandangkan putera harapannya Raja Matkar Sulaiman tewas dalam perlawanan suku akhir.

Penolong jurulatih Kelantan, Encik Mohd Fauzi Abdul Aziz, yakin pesilatnya akan memberi tentangan untuk menjuarai kelas masing-masing walaupun kemampuan mereka tidaklah sehebat pesilat dari seni silat gayung Malaysia.

Isu silat Sukan SEA

B. Harian (M) - 3 JUN 1991

Malaysia sokong Koni

Oleh **RAHIME YUSOFF**

JAKARTA: Menteri Belia dan Sukan, Senator Haji Annuar Musa, memberi jaminan kepada Kesatuan Olahraga Nasional Indonesia (Koni) untuk memujuk Filipina menyenaraikan silat olahraga dalam Sukan SEA Manila, November ini.

Menurutnya, KONI tidak akan keseorangan untuk menyakinkan Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Manila (Mansoc) dalam mesyuarat terakhir sukan itu di Manila bulan depan.

"Saya akan berbincang dengan pegawai Majlis Olimpik Malaysia (MOM) meminta isu silat sebagai agenda penting dalam mesyuarat itu," katanya ketika mengulas permintaan Menteri Pemuda dan Olahraga Indonesia, Bapak Akhbar Tandjung, di majlis makan malam, kelmarin.

Haji Annuar kini dalam rangka lawatan enam hari ke Indonesia berkata, Malaysia sudahpun menghantar rombongan yang diketuai oleh Presiden Pesaka, Tan Sri Haji Muhammad Mohd Taib ke Manila Februari lalu untuk memujuk Filipina menyenaraikan semula silat olahraga.

Dalam usaha ini, katanya, Indonesia dan Malaysia perlu mendapatkan sokongan padu dari Thailand, Brunei dan Singapura kerana negara-negara berkenaan juga mempunyai skuad silat. "Saya percaya jika semua lima negara itu memberi perhatian untuk meminta Filipina menyenaraikan silat olahraga sewaktu mesyuarat bulan depan, ia pasti berjaya," katanya.

Apa yang perlu, katanya, Malaysia dan Indonesia perlu menyediakan bantuan teknikal kerana Filipina tidak mempunyai kepakaran itu.